

BAB 5

KESIMPULAN

Pemisahan Daerah Kuala Lumpur daripada Negeri Selangor memberi entiti sendiri kepada Mahkamah Syariahnya. Pemakaian Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Selangor 1952 yang diubahsuai oleh Perintah Wilayah Persekutuan 1974 dihentikan apabila akta-akta baru yang digubal oleh Parlimen diwartakan bagi diguna pakai di Wilayah Persekutuan. Perkembangan Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan selari dengan perubahan di peringkat nasional daripada segi pentadbiran, struktur dan bidang kuasa. Beberapa pindaan seperti pindaan Perlembagaan Malaysia perkara 121(1A) dan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan 1985) memberi status yang jelas kepada Mahkamah Syariah.

Selain itu, bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan dalam AKJSWP 1997, AUKIWP 1984 dan beberapa peruntukan Akta lain. Di samping itu, terdapat peruntukan dalam Akta-akta yang diguna pakai di peringkat Persekutuan yang menyekat Mahkamah Syariah melaksanakan konsep jenayah Islam sepenuhnya.

Walaupun Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan tidak mempunyai bidang kuasa melaksanakan hukuman menurut teori hukuman dalam fiqh Islam sepenuhnya seperti hukuman *bad* dan qisas, tetapi hukuman gantian yang diperuntukkan memberi peluang sebahagian konsep undang-undang Islam diamalkan dalam sistem perundangan Malaysia. Pelaksanaan hukuman denda, penjara dan sebat yang dibenarkan kepada Mahkamah Syariah merupakan elemen yang melengkapkan tujuan menegakkan keadilan dalam pelaksanaan undang-undang.

Walaupun bagaimanapun, hukuman yang diperuntukkan kepada Mahkamah Syariah masih rendah jika dibandingkan dengan hukuman yang terpakai di Mahkamah Sivil. Peruntukan hukuman maksimum tiga tahun penjara atau denda RM 5000 atau enam sebatan atau kombinasi mana-mana hukuman adalah rendah jika dibandingkan dengan peruntukan Seksyen 63, Akta Mahkamah Rendah 1948 yang memperuntukkan Mahkamah Sesyen hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan segala kesalahan melainkan kesalahan yang boleh dihukum mati. Sementara Mahkamah Majistret Kelas I yang kedudukannya lebih rendah daripada Mahkamah Sesyen mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan kes-kes yang diperuntukkan hukuman denda sehingga RM10000 atau lima tahun penjara, 12 kali sebatan atau kombinasi hukuman-hukuman tersebut.

Walaupun hukuman jenayah di Mahkamah Syariah adalah terhad, tetapi daripada satu sudut ia telah memberi peluang kepada mahkamah membicarakan dan menghukum pesalah terutama dalam kes yang membabitkan kesalahan akidah dan akhlak. Ruang mahkamah untuk menggunakan budi bicara terbuka luas ketika menjatuhkan hukuman. Ia dipraktikkan dalam lingkungan bidang kuasanya untuk memberi suai manfaat kepada pesalah yang disabitkan dan masyarakat keseluruhan. Ketiadaan peruntukan hukuman minimum dan lapisan mahkamah tiga peringkat memberi peluang mahkamah perbicaraan menetapkan hukuman menurut bidang kuasanya. Kewujudan Mahkamah Rayuan Syariah memberi